

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2010/2011**

NAMA KURSUS	:	ATURCARA KONTRAK DAN TAKSIRAN
KOD KURSUS	:	BBT 4462
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
TARIKH PEPERIKSAAN	:	NOVEMBER / DISEMBER 2010
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB EMPAT SOALAN SAHAJA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 MUKA SURAT

SULIT

S1 (a) Terangkan istilah kontrak di sisi undang-undang. (5 markah)

(b) Terangkan secara ringkas kriteria kontrak yang menjadikan ia sah di sisi undang-undang.

(10 markah)

(c) i) Terangkan istilah tawaran menurut Akta Kontrak 1950 Seksyen 2(a).

ii) Terangkan prinsip penerimaan mengikut Akta Kontrak 1950.

(10 markah)

S2 (a) Balasan merupakan suatu pampasan atau *quid pro quo* bagi sesuatu kontrak yang telah dibuat atau yang telah dilaksanakan. Terangkan dua kategori balasan.

(10 markah)

(b) Terangkan secara ringkas prinsip-prinsip balasan dengan menyatakan contoh kes yang sesuai.

(15 markah)

- S3 (a) Mengikut Seksyen 18 Akta Kontrak 1950, terdapat pernyataan berkaitan 'Salah Nyata'. Terangkan salah nyata yang anda faham.
(10 markah)
- (b) 'Silap fakta' juga dinyatakan dalam Seksyen 21 Akta Kontrak 1950. Terangkan jenis-jenis silap fakta dengan beberapa contoh kes yang sesuai.
(15 markah)
- S4 (a) Borang Kontrak Binaan digunakan dalam perjanjian kontrak yang ditandatangani/ dimeteri oleh kontraktor dan tuan/punya bangunan. Terangkan jenis-jenis borang kontrak binaan yang digunakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia
(10 markah)
- (b) Mengikut Fasal 24 Kontrak Binaan JKR 203 A , peruntukan Perubahan Kerja diberikan kepada kontraktor. Berikan maksud perubahan kerja tersebut.
(5 markah)
- (c) Nyatakan punca mengapa perubahan kerja boleh dilakukan.
(10 markah)
- S5 (a) Bayaran kemajuan kerja adalah proses penting dalam memohon pembayaran bagi kerja-kerja yang telah dilakukan. Menurut fasal 47 JKR 203a, terangkan langkah –langkah yang perlu diambil tindakan oleh seorang kontraktor dalam proses tersebut.
(10 markah)

- (b) Nyatakan perkara yang mesti diambil kira semasa pengiraan bayaran kemajuan kerja.

(5 markah)

- (c) Buatlah satu contoh pengiraan bayaran kemajuan kerja .

(10 markah)

- S6 (a) Bezakan dokumen tender dan dokumen kontrak.

(5 markah)

- (b) Dalam membuat taksiran bangunan, terdapat 2 kategori bangunan samaada substruktur dan superstruktur. Nyatakan item-item dalam kategori tersebut.

(10 markah)

- (c) Buatlah satu contoh pengiraan taksiran 1 meter padu konkrit (1:2:4-20mm) dengan menggunakan andaian harga pasaran di Malaysia.

(10 markah)